



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHBAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	26/10/2018	MUKA SURAT	:	23
JABATAN	:	KATS / YBM / JPSM			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			



**Sultan Nazrin menandatangani plak perasmian** pada istiadat pemasyhuran Lembah Kinta sebagai Geopark Kebangsaan di Taman Rekreasi Gunung Lang, Ipoh, semalam.

# Lembah Kinta dimasyhur Geopark Kebangsaan

**Ipoh:** Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, semalam, berkenan memasyhurkan Lembah Kinta sebagai tapak geologi Geopark Kebangsaan.

Istiadat pemasyhuran itu disempurnakan baginda di Taman Rekreasi Gunung Lang di sini.

Menerusi pemasyhuran itu, Lembah Kinta yang meliputi keseluruhan daerah Kinta dan Kampar serta kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Ipoh (MBI), Majlis Daerah Batu Gajah dan Majlis Daerah Kampar, dibangunkan secara lestari serta mengambil kira

kepentingan alam sekitar, sekali gus menjadi pemangkin kepada aktiviti ekopelancongan, geopelancongan serta aktiviti pendidikan dan penyelidikan bertaraf dunia.

Kawasan Geopark Lembah Kinta berkeluasan 1,952 hektar merangkumi daerah Kinta dan Kampar kini diletakkan di bawah pengurusan dan pemantauan Perbadanan Taman Negeri Perak dan diwartakan sebagai Geopark Kebangsaan pada tahun lalu.

Berkenan berangkat pada majlis itu ialah Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim.

Yang turut berangkat, Raja Muda, Raja Jaafar Raja Muda Musa; Raja Dihilir, Raja Iskandar Dzulkarnain Sultan Idris Shah serta Raja Puan Muda, Tuanku Soraya Sultan Abdul Halim.

Yang hadir sama, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar; Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan negeri, Tan Kar Hing; Setiausaha Kerajaan Perak, Zainal Azman Abu Seman dan Ketua Setiausaha Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli, Datuk Dr Tan Yew Chong.